

**Dialog TPPA berjaya redakan kumpulan membantah, kata Tok Pa  
Malaysian Insider  
Sept 10 , 2013  
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

Datuk Seri Mustapa Mohamed (gambar) menjelaskan hasil beberapa siri dialog bersama orang ramai telah menampakkan hasil setelah kecurigaan dari pihak penentang Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) berkurangan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu berkata kerajaan tidak akan berkompromi dengan syarat perjanjian yang menggugat kedaulatan negara.

"Semua pandangan kita pandang serius dan jurang perbezaan tentang perjanjian ini semakin berkurangan. Hari terbuka hari ini menjemput sekitar 500 peserta bagi menyuarakan pendapat masing-masing tentang TPPA.

"Kita bahagian kumpulan yang membantah, menyokong dan pihak tengah bagi menilai isu ini secara mendalam," katanya semasa sidang media di Ibu Pejabat Matrade di Kuala Lumpur hari ini. – 10 September, 2013.

Mustapa berkata sesi dialog selama tiga jam itu membahaskan isu seperti perkara yang membabitkan kedaulatan negara, hak bumiputera dan ubat-ubatan yang telah dibincangkan di Brunei pada bulan lalu.

Katanya, isu lain mencakupi analisis keberkesanan kos, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan beberapa perkara lain melibatkan kepentingan negara.

"Berhubung isu kawalan tembakau, pihak perunding masih melobi negara peserta bagi melihat isu berkenaan secara serius.

"Perbincangan tentang PKS akan bermula tidak lama lagi dan dijangka proses perbincangan itu akan memakan masa selama dua bulan," katanya.

Mustapa menjelaskan kebimbangan sebilangan rakyat Malaysia berhubung TPPA adalah berikutan terdapat dokumen perjanjian negara lain yang bocor di Internet dan perkara berkenaan tidak membabitkan Malaysia.

Dalam perkembangan lain, bekas Mustapa turut melahirkan kebimbangan terhadap kemerosotan kedudukan universiti awam seperti dilapor media.

Katanya, seramai 30 peratus pelajar universiti awam masih belum mencapai sasaran dan kumpulan itulah yang perlu diberi perhatian.

"Saya telah memperjuangkan hal ini sejak menjaga kementerian berkaitan. Pelajar yang lemah tersebut perlu dibangunkan supaya mereka mencapai standard kecemerlangan dengan pelajar lain," kata bekas menteri pendidikan tinggi itu. – 10 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dialog-tpa-berjaya-redakan-kumpulan>

-membantah-kata-tok-pa